



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 JUN 2019 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

18 JUN 2019 (SELASA)

KENAIKAN HARGA SIMEN

Rujuk, dapat kelulusan KPDNHEP dulu

Putrajaya: Sebarang keputusan untuk menaikkan harga simen perlu dirujuk dan mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kelulusan itu adalah seperti yang dinyatakan dalam "Syarat-syarat Khas bagi Pemborong Simen" di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan bukan keputusan mutlak syarikat pengeluaran simen.

"Kementerian mengambil maklum sumber berita yang melaporkan bahawa harga simen akan mengalami kenaikan secara mendadak.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada isu harga serta sekretariat kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang memantau isu kos sara hidup rakyat, beberapa tindakan segera dikeluarkan berhubung isu berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP akan segera

mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada 19 kilang pengeluaran simen seluruh negara.

Mahu dapat penjelasan

Saifuddin berkata, notis ini dikeluarkan untuk mendapatkan penjelasan daripada syarikat terbabit berkenaan punca kenaikan harga simen yang mana ia harus dijawab dalam tempoh tujuh hari dari tarikh dikeluarkan.

Beliau berkata kegagalan menjawab dalam tempoh itu

akan mengundang kepada tindakan undang-undang mengikut akta sama.

"KPDNHEP setakat ini belum menerima sebarang makluman rasmi daripada syarikat pengeluaran simen berkenaan isu ini dan sudah mengarahkan agar mereka segera berbuat demikian.

"Kerajaan menyeru agar sebarang pengumuman yang bersifat sensitif seperti ini dibincangkan dan dirujuk bersama terlebih dahulu agar kepentingan rakyat dan pihak terbabit akan dilindungi," katanya.

19 syarikat pengeluar simen diberi notis

KPDNHEP keluar notis tujuh hari minta penjelasan harga simen naik

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengeluarkan notis kepada 19 buah syarikat pengeluar simen di seluruh negara bagi mendapatkan penjelasan mengenai kenaikan harga bahan tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP akan segera mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kepada pihak syarikat terbabit dan mereka perlu berikan penjelasan dalam tempoh

tujuh hari.

Jelas beliau, kegagalan pihak syarikat untuk menjawab notis tersebut dalam tempoh ditetapkan akan menyebabkan mereka dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta tersebut.

"Untuk makluman, sebarang keputusan oleh mana-mana syarikat pengeluar simen yang berlesen untuk menaikkan harga simen perlu terlebih dahulu dirujuk dan mendapat kelulusan KPDNHEP.

"Ini telah dinyatakan dalam Syarat-Syarat Khas bagi Pemborong Simen di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan bukan keputusan mutlak syarikat pengeluar simen," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Saifuddin, pihaknya masih belum menerima sebarang makluman rasmi daripada syarikat pengeluar simen berkenaan isu kenaikan harga simen itu dan



SAIFUDDIN NASUTION

telah mengarahkan agar mereka segera berbuat demikian.

"Kerajaan menyeru agar sebarang pengumuman yang bersifat sensitif seperti ini dibincangkan dan dirujuk bersama terlebih dahulu agar kepentingan rakyat dan pihak-pihak terlibat akan dilindungi," ujar beliau.

Kelmarin, media melaporkan Kementerian Kewangan akan

mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP berhubung isu kenaikan harga simen secara mendadak bermula kelmarin.

Difahamkan isu itu dibangkitkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) yang mengatakan mereka menerima notis kenaikan harga simen sebanyak 40 peratus pada 3 Jun lalu dan ia berkuat kuasa pada 15 Jun dan 1 Julai.

Berdasarkan laporan itu, 85 peratus bekalan simen negara dikuasai oleh sebuah syarikat sahaja dan menjangkakan kenaikan mendadak daripada RM10 kepada RM16 itu akan menyebabkan kenaikan harga rumah terutama rumah mampu milik.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati pembekal simen di Kuantan, Pahang memaklumkan harga simen dijangka akan meningkat daripada RM14 kepada RM18 bagi satu beg simen.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

18 JUN 2019 (SELASA)

MINYAK MENTAH

▽25 SEN
17 Jun 2019 +

Harga minyak jatuh semalam berikutan tanda-tanda kelembapan ekonomi di tengah-tengah pertikaian perdagangan antarabangsa mula mengatasi kebimbangan bekalan yang didorong oleh serangan terhadap kapal tangki minyak di Teluk Oman minggu lalu dan melonjakkan harga lebih tinggi.

Niaga hadapan Brent turun 25 sen atau 0.4 peratus kepada AS\$61.76 satu tong pada 0750 GMT, selepas naik 1.1 peratus pada Jumaat.

Niaga hadapan minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) jatuh 22 sen, atau 0.4 peratus pada AS\$52.29, selepas mengukuh sebanyak 0.4 peratus pada sesi sebelumnya.

"Pertumbuhan output

perindustrian China (jatuh) ke paras paling rendah dalam 17 tahun di tengah-tengah ketegangan perdagangan dengan AS, semalam.

"Pasar minyak perlu memikirkan lebih banyak kebimbangan mengenai permintaan apabila India melaksanakan tarif balas terhadap sejumlah barang Amerika semalam (kelmarin)," kata jururunding JBC Energy dalam nota.

Turut menjejaskan harga adalah prospek pertumbuhan permintaan minyak pada 2019 yang diunjurkan oleh Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) pada Jumaat, memetik prospek perdagangan global yang semakin buruk.

REUTERS



SAWIT **ΔRM19**
17 Jun 2019

Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatif ditutup tinggi semalam berikutan permintaan meningkat susulan kebimbangan kemungkinan pengeluaran dan inventori rendah, kata peniaga.

Beliau berkata, beberapa firma penyelidikan menasihatkan pelabur untuk mengumpul stok perladangan memandangkan jangkaan pertumbuhan pendapatan apabila harga MSM diunjur meningkat hujung tahun ini.

Berdasarkan data Bloomberg, inventori minyak sawit bulan ini berkurangan 2.5 tan, paras terendah sejak Julai tahun lalu. Stok meningkat 3.2 juta tan pada Disember 2018 sebelum susut semula.

Pada paras penutupan, kontrak Julai 2019, September 2019 dan Oktober 2019 meningkat RM19 kepada RM2,023, RM2,031 dan RM2,034 satu tan manakala Ogos 2019 naik RM23 kepada RM2,021 satu tan.

Jumlah dagangan merosot kepada 38,771 lot daripada 40,742 lot pada Jumaat, manakala kepentingan terbuka jatuh kepada 257,916 kontrak daripada 258,863 kontrak sebelumnya.

Di pasaran fizikal, Jun selatan naik kepada RM2,010 satu tan daripada RM2,000 satu tan pada penghujung minggu lalu. **BERNAMA**